

OPS GEMPUR BIL 10/2021 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

1 Disember 2021, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 10/2021 ke atas premis-premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan projek EIA yang bermula pada 29 hingga 30 November 2021.

Operasi ini dianggotai seramai 25 anggota penguatkuasa yang dibahagikan kepada 7 pasukan. Sebanyak 19 premis telah diperiksa yang membawa kepada 19 Arahan di Lapangan, 5 Kompaun, 5 Notis Arahan dan 4 percontohan efluen perindustrian telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka